

Publication	Berita Harian	Section / Page	58	Date	10 May 2019
Headline	Takaful Malaysia Jangka Kekal Momentum Pertumbuhan				

Takaful Malaysia jangka kekal momentum pertumbuhan

[FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN/BH]

➔ Produk berkaitan kredit kekal pemacu pertumbuhan syarikat

Oleh Suffian A Bakar
suffian@nstp.com.my

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) dijangka mampu mengekalkan pertumbuhan keuntungan sekurang-kurangnya 30 peratus tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sri Mohamed Hassan Kamil, berkata jangkaan itu disandarkan kepada prestasi suku kewangan pertama kumpulan itu yang membe-rangsangkan.

"Bagi setahun penuh 2018, lebih 30 peratus pertumbuhan keuntungan dicatat kumpulan, dan melihat kepada angka suku pertama (2019), keadaan kelihatan baik.

"Kami harap menjelang hujung tahun kita akan dapat sekurang-kurangnya mengulangi angka pertumbuhan tahun lalu," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Mohamed Hassan berkata, produk berkaitan kredit dijangka kekal menjadi penyumbang utama dan pemacu pertumbuhan syarikat, berikutan perniagaan pembiayaan Islam yang dijangka akan terus berkembang.

Penyumbang lain, katanya ialah perniagaan segmen kebakaran, takaful umum dan kenderaan, terutama daripada platform digital.

Takaful Malaysia mencatat peningkatan keuntungan bersih 37.82 peratus kepada RM96.44 juta pada suku kewangan pertama berakhir 31 Mac 2019 daripada RM69.98 juta suku sama tahun sebelumnya, disumbang pendapatan yuran Wakalah bersih yang lebih tinggi susulan pertumbuhan perniagaan dalam segmen takaful keluarga.

Pendapatan sesaham (EPS) meningkat kepada 11.7 sen daripada 8.5 sen.



Mohamed Hassan menunjukan Buku Laporan Tahunan selepas AGM Takaful Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Pendapatan pada suku dikaji meningkat 23.05 peratus kepada RM918.16 juta daripada RM746.17 juta setahun lalu.

Perniagaan takaful am

Segmen perniagaan takaful keluarga Malaysia menjana sumbangan kasar sebanyak RM502.9 juta pada suku dikaji, melonjak 55 peratus daripada RM324 juta

dalam suku sama tahun sebelumnya, disokong jualan yang lebih tinggi daripada produk berkaitan kredit.

Sementara itu, perniagaan takaful amnya menyumbang sumbangan kasar sebanyak RM204.2 juta pada suku dikaji, peningkatan 12 peratus berbanding RM182.4 juta pada suku sama tahun sebelumnya.